

# Kejohanan Sukan Massa Mahasiswa sempena HSN 2018

UB 19.10.2018 B3

PUSAT Sukan Universiti Malaysia Sabah (UMS) mengadakan Kejohanan Sukan Massa Mahasiswa Sempena Hari Sukan Negara (HSN) 2018 pada 14 Oktober bertempat di Kompleks Sukan UMS.

Kejohanan itu adalah untuk mahasiswa mahasiswa UMS menonjolkan bakat, kebolehan serta minat dalam acara sukan yang diceburi dan disertai. Sebanyak sembilan jenis sukan dipertandingkan mengikut kategori lelaki dan wanita iaitu bola sepak, bola tampar, sepak takraw, tenis, catur, bola keranjang, bola jaring, futsal dan pentaque.

Objektif kejohanan adalah sebagai amalan gaya hidup sihat dan mengeratkan hubungan antara mahasiswa. Ia juga bagi meningkatkan darjah kegembiraan mahasiswa serta mengisi masa lapang dalam sukan. Di samping itu, sebagai menyokong HSN pada setiap minggu kedua bulan Oktober.

Penyampaian hadiah disempurnakan oleh Pengarah Pusat Sukan UMS Mohd Asyraaf Abdullah.

Beliau berkata, dengan adanya bakat baharu, ia boleh diserapkan bagi mengikuti fasa pemilihan untuk mewakili UMS ke sukan SUKIPT dan

MASUM akan datang.

Sebanyak 853 penyertaan secara keseluruhan dalam kejohanan kali ini menunjukkan peningkatan penyertaan yang memberangsangkan.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) Prof Dr Ismail Ali mengucapkan tahniah kepada pemenang-pemenang pingat dalam kejohanan sukan massa kali ini.

“Kepada yang tidak berjaya, cuba lagi pada masa akan datang dan syabas juga kepada Pusat Sukan UMS kerana menganjurkan kejohanan sukan massa ini dengan jayanya,” katanya.



ANTARA peserta Kejohanan Massa.